

08 MAY 2001

Najib-Umno

KEWIBAWAAN LEMBAGA DISIPLIN UMNO TIDAK WAJAR DIPERTIKAIKAN, KATA NAJIB

KUALA LUMPUR, 8 Mei (Bernama) -- Kewibawaan Lembaga Disiplin Umno yang menggantung enam pemimpin parti itu kerana terbabit dalam amalan politik wang semasa proses pemilihan peringkat bahagian parti baru-baru ini tidak wajar dipertikaikan.

Naib Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak berkata keputusan Lembaga Disiplin yang diumumkan oleh pengerusinya Tan Sri Tengku Ahmad Rithauddeen Sabtu lepas, mesti dihormati.

"Kalau kita tidak puas hati, kita buat rayuan kepada Majlis Tertinggi dan terpulang kepada MT untuk memutuskannya tetapi kewibawaan Lembaga Disiplin itu mesti dihormati," katanya kepada pemberita di lobi Bangunan Parlimen hari ini ketika ditanya mengenai bantahan 100 cawangan dalam bahagian Muar terhadap tindakan Lembaga Disiplin ke atas Ketua Bahagian, Datuk Abdullah Omar.

Lima lagi yang dijatuhi hukuman ialah Ketua Bahagian Gopeng Mustapa Kamal Mohamed Nawi, Ketua Bahagian Baling Datuk Zainol Mohamed Isa, calon Timbalan Ketua Bahagian Serai Zaki Din, Ketua Penerangan Bahagian Selayang Rahmat Abdullah dan Ketua Penerangan Bahagian Gopeng Mohamad Anuar Baharuddin.

Najib berkata panduan mengenai etika pemilihan sudah dikeluarkan secara hitam putih.

Beliau berkata ini bukanlah kali pertama amaran tentang politik wang dan etika pemilihan diedarkan tetapi pada setiap kali pertandingan, malahan satu perhimpunan agung khas sudah diadakan mengenai perlembagaan parti.

Selain itu, katanya, Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri sudah berkali-kali mengingatkan anggota parti tentang politik wang dan melakukan pelbagai usaha termasuk berdoa.

Najib berkata penubuhan Lembaga Disiplin Umno adalah satu isyarat jelas bahawa parti bertindak tegas untuk membanteras politik wang.

"Soal sekarang ialah pelaksanaan dan penguatkuasaan.

"Sama ada arahan itu dipatuhi dan sama ada kesalahan yang dilakukan itu sah atau tidak, sama ada hukuman itu setimpal atau tidak adalah dalam bidang kuasa Lembaga Disiplin," katanya.

-- BERNAMA

HS HS NMO